

Woksyop perkilangan tentera diperbesar

SUNGAI BULOH, Khamis — Penyelarasan seharusnya dibuat antara Perbadanan Industri Berat Malaysia dengan Woksyop Perkilangan Angkatan Tentera bagi menjamin bekalan peralatan yang mencukupi bagi Pasukan Keselamatan.

Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian selepas melawat woksyop tersebut di sini pagi tadi.

Katanya, kerajaan merancang membesar lagi woksyop tersebut menurut keperluan semasa Angkatan Bersenjata.

Rancangan ini, katanya, didasarkan pada kemajuan luar biasa yang ditunjukkan oleh woksyop itu sejak mula menjalankan perkhidmatan tahun 1977 lalu.

Bahan alat ganti

Woksyop berkenaan menyediakan bahan-bahan alat ganti bagi kenderaan tentera dan juga alat ganti beberapa jenis senjata ringan.

Katanya, kepakaran teknikal asing mungkin dipatikan bagi menjayakan program pembesaran woksyop tersebut.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir menyatakan, woksyop itu tidak akan diperbesar untuk menjadi kilang pembuat senjata Angkatan Tentera.

"Memang kita mempunyai hasrat membuat sendiri keperluan senjata bagi keselamatan negara kita, tetapi woksyop ini tidak mungkin dapat dijadikan kilang membuat senjata api," katanya.

Bagaimanapun, beliau menegaskan, sebagai sebuah woksyop yang membekalkan alat ganti buatan sendiri dan juga menjalankan lain-lain perkhidmatan, woksyop itu berjaya mencapai

500 pekerja

Woksyop berharga kira-kira \$20 juta itu didirikan di bawah Rancangan Kerjasama Pertahanan dengan Australia dan dirasmikan pembukaannya pada 22 September tahun 1978.

Kerajaan Australia membekalkan alat-alat jentera perlu dan juga pakar-pakar bagi melatih anggota Pasukan Tentera di woksyop tersebut.

Bagaimanapun, kini semua kaitangan woksyop kira-kira 500 orang itu terdiri dari warganegara — 80 peratus dari Pasukan Tentera dan 40 peratus lagi orang awam.

Datuk Sri Dr. Mahathir dilirangi oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar Datuk Bandar, Abang Mustapha dan Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Ghazali Mohd. Seth.



DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) mendengar penerangan Pengarah Divisyen Elektrik dan Mekankal Angkatan Tentera, Kel. Tang Siew Kuan (dua dari kanan) mengenai cara pinggan-pinggan makan tentera dibuat dari acuannya semasa melawat salah satu bengkel di Bengkel Perkilangan Angkatan Tentera di Sungai Buloh, Selangor, semalam.

Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Ghazali Mohd. Seth (dua dari kiri) dan Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar bin Datuk Bandar, Abang Mustapha, — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia